



13 April 2017
13 April 2017
P.U. (B) 191

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN BATANG PENULANGAN KONKRIT KELULI YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

NOTICE OF AFFIRMATIVE FINAL DETERMINATION OF AN INVESTIGATION WITH REGARD TO STEEL CONCRETE REINFORCING BAR PRODUCTS IMPORTED INTO MALAYSIA

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PELINDUNG 2006

NOTIS PENENTUAN MUKTAMAD AFIRMATIF PENYIASATAN MENGENAI KELUARAN
BATANG PENULANGAN KONKRIT KELULI YANG DIIMPORT KE DALAM MALAYSIA

(SM 01/16)

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 23(3) Akta Pelindung 2006 [Akta 657] dan peraturan 14 Peraturan-Peraturan Pelindung 2007 [P.U. (A) 386/2007], Kerajaan telah membuat penentuan muktamad afirmatif berhubung dengan penyiasatan mengenai keluaran batang penulangan konkrit keluli yang diimport ke dalam Malaysia sebagaimana yang diperihalkan dalam perenggan 1 (“keluaran”).

Keluaran yang disiasat dan pengelasan tarif

1. Keluaran yang disiasat ialah batang penulangan konkrit keluli, iaitu batang keluli gulungan panas yang mengandungi lekuk, tetulang, alur atau canggaan lain, yang dikelaskan di bawah Kod Sistem yang Diharmonikan (Kod H.S.) dan Tatanama Tarif Berharmonis ASEAN (AHTN) 7214.10.11 00, 7214.10.19 00, 7214.10.21 00, 7214.10.29 00, 7214.20.31 00, 7214.20.39 00, 7214.20.41 00, 7214.20.49 00, 7214.20.51 00, 7214.20.59 00, 7214.20.61 00, 7214.20.69 00, 7214.30.10 00, 7214.30.90 00, 7214.99.11 00, 7214.99.19 00, 7214.99.91 00, 7214.99.92 00, 7214.99.93 00, 7214.99.99 00, 7228.10.10 00, 7228.10.90 00, 7228.20.11 00, 7228.20.19 00, 7228.20.91 00, 7228.20.99 00, 7228.30.10 00, 7228.30.90 00, 7228.40.10 00, 7228.40.90 00, 7228.50.10 00, 7228.50.90 00, 7228.60.10 00, 7228.60.90 00, 7228.80.11 00, 7228.80.19 00 dan 7228.80.90 00. Kod H.S. dan AHTN ini diberikan hanya untuk makluman dan tidak mempunyai kesan mengikat terhadap pengelasan keluaran itu.

Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung

2. Keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung ialah keluaran yang dikeluarkan oleh industri dalam negeri dan mempunyai perihalan yang sama dengan keluaran yang dinyatakan dalam perenggan 1.

Sebab bagi penentuan muktamad afirmatif

3. Berdasarkan penyiasatan, pihak berkuasa penyiasat telah mendapati bahawa—
- (a) terdapat peningkatan import keluaran, secara mutlak dan relatif kepada pengeluaran dalam negeri semasa tempoh penentuan kemudaratan, iaitu mulai 1 Oktober 2012 hingga 30 September 2015; dan
- (b) dalam keadaan itu, ia telah menyebabkan kemudaratan yang serius kepada industri dalam negeri yang mengeluarkan keluaran serupa atau keluaran yang bersaing secara langsung berkenaan dengan penurunan bahagian pasaran, jualan dalam negeri dari segi nilai, keberuntungan, aliran tunai negatif, dan pengurangan dalam penggajian dan gaji pekerjanya.

Langkah pelindungan muktamad yang terpakai

4. (1) Langkah pelindungan muktamad yang terpakai berhubung dengan keluaran hendaklah dalam bentuk duti pelindung muktamad dan dikenakan terhadap negara yang dinyatakan dalam Jadual.

(2) Duti pelindung muktamad hendaklah dikenakan bagi tempoh tiga tahun mulai 14 April 2017 hingga 13 April 2020 pada kadar yang berikut:

<i>Tempoh</i>	<i>Duti Pelindung Muktamad (%)</i>
14 April 2017 – 13 April 2018	13.42
14 April 2018 – 13 April 2019	12.27
14 April 2019 – 13 April 2020	11.10

JADUAL

[Perenggan 4]

NEGARA YANG DIKENAKAN DUTI PELINDUNG MUKTAMAD

1. Armenia
2. Australia
3. Kanada
4. Croatia
5. Republik Czech
6. Kesatuan Eropah
7. Republik Persekutuan Jerman
8. Perancis
9. Greece
10. Hungary
11. Ireland
12. Itali
13. Jepun
14. Negara Belgium
15. Negara Denmark
16. Negara Norway
17. Negara Sepanyol
18. Negara Sweden
19. Negara Belanda
20. Liechtenstein
21. Luxembourg
22. New Zealand
23. Republik Rakyat China
24. Republik Portugal
25. Republik Austria
26. Republik Bulgaria
27. Republik Cyprus
28. Republik Estonia